

SIARAN AKHBAR

S.A. 2022/09/15_66 (HQ)

PROJEK MENARA IKONIK TNB PERKUKUH BEKALAN ELEKTRIK PULAU PINANG

- Penyambungan terus bekalan daripada Grid Nasional di tanah besar Semenanjung dengan kos lebih RM500 juta.
- Penghantaran talian atas 275kV sejauh 8.5 kilometer direntang selari dengan jambatan pertama Pulau Pinang dan dijangka siap pada 2024.
- 31 buah menara penghantaran dengan enam berbentuk buah pinang menjadi mercu ikonik pelancongan.

Tenaga Nasional Berhad (TNB) hari ini melancarkan Projek Pengukuhan Bekalan Elektrik Pulau Pinang melalui talian penghantaran keempat, yang mampu membekalkan sehingga 2,000 megawatts (MW) secara terus dari Grid Nasional di tanah besar Semenanjung ke Pulau Mutiara itu.

Sistem penghantaran melalui sambungtara talian atas 275kV sejauh 8.5 kilometer ini, akan direntang selari dengan jambatan pertama Pulau Pinang dengan menggunakan 31 menara tunggal (monopole), menghubungkan Pencawang Masuk Utama (PMU) Stesen Janakuasa (SJ) Perai ke PMU The Light, yang akan dibina di Daerah Timur Laut berhampiran Kem Tentera Batu Uban.

Ketua Menteri Pulau Pinang, Chow Kon Yeow dalam ucapannya berkata projek pengukuhan bekalan itu sebagai sesuatu yang ditunggu oleh rakyat Pulau Pinang sebagai pemangkin kepada pembangunan negeri ini secara keseluruhannya, selaras dengan Visi Penang2030 – Negeri Pintar dan Hijau Berteraskan Keluarga Inspirasi Negara yang telah digariskan secara komprehensif, lengkap dan menyeluruh.

“Kita boleh merancang dengan teliti, menyusun strategi untuk projek-projek gergasi sekali pun, namun ia tidak boleh dicapai tanpa bekalan tenaga yang mencukupi dan stabil. Di sinilah peranan yang dimainkan oleh TNB dengan pelaksanaan projek pada hari ini,” katanya semasa melancarkan projek berkenaan.

Tiga penghantaran bekalan elektrik sedia ada ke pulau berkenaan adalah melalui kabel dasar laut 132kV dari SJ Prai – SJ Gelugor yang dimula tugas pada 1978; 132kV kabel bawah jambatan (1989) dan 275kV kabel dasar laut dari PMU Juru – PMU Bayan Lepas (1995), di samping SJ Gelugor.

Menteri Tenaga dan Sumber Asli, Datuk Seri Takiyuddin Hassan berkata, amat tepat sekali pelaksanaan projek talian atas ini yang kapasiti penghantaran tenaga elektrik adalah jauh lebih tinggi berbanding dengan kaedah kabel bawah jambatan dan kabel dasar laut. Ia mampu menghantar bekalan 2,000MW daripada SJ Perai ke PMU The Light bergantung kepada permintaan beban di kawasan pulau.

Katanya, projek bernilai lebih RM500 juta itu akan memastikan rakyat dan para pelabur di Pulau Pinang terus menerima bekalan elektrik yang stabil dan berdaya harap, berikutan permintaan dijangka meningkat sejajar pemulihan ekonomi pasca pandemik.

“Pengekalan kestabilan bekalan ini akan menjadi pemangkin pertumbuhan ekonomi dalam pelbagai bidang termasuk perindustrian, pembangunan infrastruktur, pengangkutan dan pelancongan. Malah, talian penghantaran ini sendiri menjadi daya tarikan pelancongan dengan enam daripada 31 menaranya mempunyai reka bentuk ikonik berbentuk buah pinang,” katanya.

Beliau berucap di majlis pelancaran itu di sini, yang disempurnakan oleh Ketua Menteri Pulau Pinang, Chow Kon Yeow. Turut hadir, Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif TNB, Dato’ Indera Ir. Baharin Din dan Ketua Pegawai Grid TNB, Datuk Ir. Husaini Husin serta Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Negeri dan Ahli Dewan Rakyat/Negeri Pulau Pinang.

Berdasarkan fasa pembinaan projek ini, kerja-kerja penyiasatan tanah telah dijalankan sekitar bulan Februari sehingga Julai 2022. Fasa seterusnya adalah kerja penanaman cerucuk di laut, pemasangan menara dan disusuli dengan kerja-kerja merentang pengalir yang dijangka akan dimulakan pada awal bulan Oktober 2022, dengan keseluruhan projek dijangka siap pada 2024.

Dikeluarkan di Pulau Pinang pada 15 September 2022, jam 2:30 petang


*Untuk pertanyaan lanjut media, sila hubungi Hanim Idris 019-2617617 /
Grace Tan 016-6626229 / Faiq Haikal 013-3889606
atau emel kami: media@tnb.com.my*



GAMBAR 1

Ketua Menteri Pulau Pinang, Chow Kon Yeow (tengah) menekan pad pelancar sebagai tanda simbolik Majlis Pelancaran Projek Pengukuhan Bekalan Elektrik Melalui Sambungtara Talian Atas di Pulau Pinang hari ini (15 September 2022), sambil diiringi Menteri Tenaga dan Sumber Asli, Datuk Seri Takiyuddin Hassan (tiga, kanan), Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif TNB, Dato' Indera Ir. Baharin Din (tiga, kiri).

Turut hadir pada majlis tersebut, EXCO Infrastruktur dan Pengangkutan Pulau Pinang, Zairil Khir Johari (dua, kanan), Pengarah Kawasan Suruhanjaya Tenaga Negeri Pulau Pinang, Kedah & Perlis, Muhamad Azmi Ishak (paling kanan), Ketua Pegawai Kawalselia & Pengurusan Stakeholder TNB, Datuk Wira Roslan Ab Rahman (dua, kiri), dan Ketua Pegawai Grid TNB, Datuk Ir. Husaini Husin (paling kiri).



GAMBAR 2

Ketua Menteri Pulau Pinang, Chow Kon Yeow (tengah) bersama Menteri Tenaga dan Sumber Asli, Datuk Seri Takiyuddin Hassan (dua, kanan) dan Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif TNB, Dato' Indera Ir. Baharin Din (tiga, kiri) melihat model sambungtara talian atas TNB sejauh 8.5 km yang akan direntang selari dengan jambatan pertama Pulau Pinang selepas Majlis Pelancaran Projek Pengukuhan Bekalan Elektrik melalui Sambungtara Talian Atas di Pulau Pinang hari ini (15 September 2022).

Turut hadir pada majlis tersebut, EXCO Infrastruktur dan Pengangkutan Pulau Pinang, Zairil Khir Johari (kanan sekali); Ketua Pegawai Grid TNB, Datuk Ir. Husaini Husin (dua, kiri) dan Ketua Pegawai Kawalselia & Pengurusan Stakeholder TNB, Datuk Wira Roslan Ab Rahman (kiri sekali).